



TEKS UCAPAN

**DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN
KETUA PENGARAH MAMPU**

**MAJLIS MAKAN MALAM
ANJURAN PENTADBIRAN SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
SEMPENA
MESYUARAT JAWATANKUASA
PENYELARASAN PEMODENAN
PENTADBIRAN AWAM (JPPPA) BIL.
2/2015**

8 DISEMBER 2015, 8.30 MALAM

**DI GRAND KLANA 1 & 2
KLANA RESORT**

Assalamualaikum Warrahmatullahi
Wabarakatuh,

Salam Kegemilangan,
Salam “1Malaysia, Rakyat
Didahulukan, Pencapaian
Diutamakan”,
Salam Sehati Sejiwa.

Yang Dihormati Saudara/saudari
Pengacara Majlis

Yang Berhormat
Dato’ Mat Ali bin Hassan,
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan,
Yang Berusaha

Tuan Hj. Razali bin Bakar,
Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri
Sembilan,

Yang Berusaha
Dr. Aizi Razman bin Ismail,
Timbalan Ketua Pengarah
(Transformasi dan Pemodenan
Pengurusan)

Yang Berusaha
Dr. Suhazimah binti Dzazali,
Timbalan Ketua Pengarah (Teknologi
Maklumat Komunikasi),

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha,
Timbalan-Timbalan Setiausaha
Kerajaan Negeri, Pengarah-Pengarah
Jabatan serta hadirin yang diraikan
sekalian.

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih kepada YB Dato' Mat Ali bin Hassan, pengajur majlis makan malam ini dan kesudian pihak YB Dato' bersama-sama MAMPU dalam penganjuran **Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pemodenan Pentadbiran Awam (JPPPA)**

bilangan 2 tahun 2015 yang akan diadakan pada esok harinya.

Meningkatkan Tahap Keberkesanan Penawaran Perkhidmatan Kerajaan

2. Sesungguhnya, kehadiran YBhg. Dato'/YBrs. Dr./tuan/puan ke mesyuarat kali ini mencerminkan komitmen jitu agensi-agensi kerajaan untuk **bersama-sama menghayati, membincangkan dan berkongsi** akan inisiatif pembaharuan penawaran perkhidmatan awam yang telah atau pun yang akan diperkenalkan. Seterusnya, inisiatif-

inisiatif tersebut dapat diaplikasikan di agensi masing-masing agar kecekapan dan keberkesanan jentera kerajaan dapat dipertingkatkan yang akhirnya dapat memenuhi malah melangkaui ekpektasi rakyat.

3. Harapan kita adalah agar jawatankuasa ini mampu menyumbang kepada peningkatan keberkesanan agensi kerajaan dan menjadi pemangkin kepada sistem penawaran perkhidmatan awam yang lebih gemilang pada masa hadapan.

4. Ingin saya nyatakan juga bahawa perkhidmatan awam sentiasa mengukuhkan penawaran perkhidmatan melalui usaha transformasi yang mengutamakan rakyat secara kreatif dan inovatif. Menyingkap pencapaian dalam lima tahun ke belakang iaitu dalam Rancangan Malaysia ke-10, pelbagai inisiatif ditawarkan bagi memudahkan rakyat telah pun dilaksanakan. Antaranya, pelaksanaan 298 projek teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang telah memberi banyak manfaat kepada rakyat, komuniti perniagaan dan agensi perkhidmatan

awam sendiri. Selain itu, sebanyak 77% daripada sejumlah 13,483 perkhidmatan kerajaan juga telah disediakan secara dalam talian untuk kemudahan rakyat.

5. Bagi menyahut seruan yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) sepertimana yang telah dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 21 Mei 2015 yang lalu, **usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan perlu dilipat gandakan agar penawaran perkhidmatan oleh kerajaan dapat**

**dinikmati oleh segenap lapisan
mesyarakat hingga ke akar umbi.**

6. YAB Perdana Menteri turut menyebut mengenai kejayaan pelbagai inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan yang mencakupi segenap segi sama ada pendidikan, pengangkutan awam, sara hidup rakyat, pembangunan luar bandar, taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah, pengurangan kadar jenayah dan pembanterasan rasuah. Ini semua telah membuktikan bahawa agensi kerajaan mampu menterjemahkan transformasi

penyampaian perkhidmatan untuk merealisasikan Dasar Transformasi Nasional bagi mencapai Wawasan 2020.

Ketelusan Dalam Merangka Dasar dan Membuat Keputusan

7. Projek-projek bitara seperti analitis data raya dan data terbuka sektor awam serta komitmen, kompetensi dan *ownership* penjawat awam berupaya menyediakan persekitaran cara kerja yang lebih cekap melalui **penggunaan dan pengurusan data dalam merangka**

dasar kerajaan dengan lebih berkesan.

8. Di samping itu juga, **perkongsian data terbuka kerajaan** akan meningkatkan ketelusan kerajaan menerusi perkongsian data yang **tepat, cepat dan relevan** di samping meningkatkan produktiviti negara melalui penglibatan secara inovasi terbuka rakyat.

9. Usaha ini turut disokong dengan **84.2% perkhidmatan kerajaan yang kini telah pun diautomasi secara dalam talian termasuk pelaksanaan**

inisiatif ***mobile government*** bagi memudahkan rakyat dan seterusnya meningkatkan daya saing dan sekali gus melonjakkan imej negara di persada antarabangsa.

Kerajaan Digital yang Berpaksikan Rakyat

10. Di samping itu, fokus perkhidmatan awam kini juga akan diperbaharui dengan tumpuan diberikan ke arah merealisasikan kerajaan digital yang lebih berpaksikan rakyat. **Perkhidmatan dalam talian bukan sekadar hanya**

mengautomasikan langkah kerja manual semata-mata, malah ia bertujuan untuk merekayasa penawaran perkhidmatan agar ia dapat memberi nilai tambah kepada rakyat.

11. Bagi merealisasikan hasrat ini, satu strategi kerajaan digital yang komprehensif akan dirangka melalui pembangunan piawaian rekabentuk digital yang khusus serta pengukuhan kepakaran dalaman yang berkaitan. Hasrat ini adalah seiring dengan perkembangan teknologi semasa serta literasi digital

yang tinggi dalam kalangan rakyat yang boleh dimanfaatkan bagi menghasilkan revolusi dalam sistem penawaran perkhidmatan yang berupaya melangkaui ekspektasi dan keperluan rakyat.

12. Bagi menjamin peningkatan prestasi penawaran perkhidmatan oleh kerajaan dan bagi memenuhi hasrat dan kehendak rakyat secara berterusan, perkhidmatan yang ditawarkan perlu sentiasa diukur tahap kecekapannya, dinilai keberkesanannya dan dipantau pelaksanaannya bagi mengenal pasti

ruang penambahbaikan yang boleh dimanfaatkan.

13. Agensi-agensi kerajaan seharusnya bergerak bersama-sama, secara sehati sejiwa dalam mengukuhkan jalan ke arah organisasi berprestasi tinggi bagi mentransformasikan perkhidmatan awam secara menyeluruh. Justeru, **penjawat awam seharusnya secara terus-menerus menyelami dan merasai denyut nadi rakyat agar dapat menawarkan perkhidmatan yang sentiasa memenuhi dan melangkaui ekspektasi rakyat.**

14. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kehadiran dan komitmen yang telah diberikan oleh YBhg. Dato'/YBrs. Dr./tuan/puan bagi menjayakan Majlis Makan Malam ini, penganjuran Mesyuarat JPPPA Bilangan 2 Tahun 2015 dan keseluruhan atur cara sepanjang kita berada di Negeri Sembilan. Tidak lupa juga kepada urus setia daripada kedua-dua belah pihak, SUK Negeri Sembilan dan MAMPU yang bertungkus lumus memastikan kelancaran program kali ini. Semoga jalinan ukhuwah dan kolaborasi strategik antara agensi

persekituan dan negeri akan kekal subur dan mekar demi transformasi penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih berkesan pada masa akan datang.

15. Dengan itu saya Sudah dengan sekian, wabillahitaufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.